

# Akses Internet Sebagai Hak Asasi Manusia: Isu, Implikasi Dasar dan Cadangan



## ISI KANDUNGAN

---

<b>RINGKASAN DASAR.....</b>	<b>2</b>
<b>KONTEKS DAN KEPENTINGAN MEMPROMOSIKAN DAN MELINDUNGI “AKSES INTERNET SEBAGAI HAK ASASI MANUSIA” .....</b>	<b>3</b>
Data Sedia Ada Memberikan Gambaran Yang Salah Tentang Akses Internet.....	3
Data Sedia Ada Gagal Mengukur Jurang dalam Akses dan Liputan Internet .....	4
Jurang Digital dan Akses Yang Tidak Sama Rata.....	5
Isu Jantina.....	5
Isu Digitalisasi .....	5
Isu-Isu Diskriminasi Kelas Sosial .....	6
Laku Musnah dan Peralatan Dicuri.....	6
Data Ditunjukkan daripada Perspektif Tunggal .....	6
Jurang dalam Penunjuk-Penunjuk pada Liputan Rangkaian.....	6
Pemecahan Data .....	7
Konflik Kepentingan .....	7
<b>AKSES YANG BERMAKNA MEMBAWA KEPADA PEMBANGUNAN DAN PENYERTAAN INKLUSIF .....</b>	<b>8</b>
Hak Pendidikan .....	8
Hak Memperoleh Pendapatan .....	8
Hak untuk Mendapatkan Maklumat & Pembangunan Diri .....	9
Hak untuk Bersuara dan Penyertaan .....	9
<b>INISIATIF-INISIATIF UNTUK MENINGKATKAN AKSES KEPADA INTERNET ....</b>	<b>10</b>
<b>IMPLIKASI DASAR .....</b>	<b>10</b>
Jurang dalam Dasar, Undang-Undang dan Program / Perkhidmatan .....	11
Undang-undang sedia ada menafikan pemilikan internet sebagai barang awam.....	11
Kekurangan latihan/Pendidikan yang sensitif terhadap gender dalam Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (ICT) berisiko meningkatkan jurang digital berdasarkan gender .....	11
Cadangan Dasar untuk Negeri .....	11

## RINGKASAN DASAR

---

*"[A]kses kepada kemudahan internet harus dianggap sebagai hak asasi manusia selain daripada keperluan-keperluan asas seperti pakaian, makanan dan tempat tinggal. Pada masa kini, kehidupan adalah tidak sempurna tanpa kemudahan internet. Kementerian kita adalah nadi utama kepada pembentukan kerajaan, ia adalah saluran maklumat untuk menghubungkan rakyat dengan rakyat, kerajaan dengan rakyat dan sebagainya. Memperluaskan perkhidmatan (internet) ini untuk dimiliki dan dinikmati oleh setiap rakyat juga merupakan satu cabaran besar, manakala penyiaran, maklumat juga penting dan mencabar. . ."*

~ Tan Sri Annuar Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia. 30 Ogos 2021. Sumber dan dipetik daripada *The Borneo Post*<sup>1</sup>

Kenyataan Menteri Komunikasi dan Multimedia pada Ogos 2021 sudah lama tertangguh dan adalah amat dialu-alukan. Lebih penting lagi, kenyataan Yang Berhormat Menteri adalah sejajar dengan kedudukan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang bagaimana capaian internet harus disediakan dan diperluaskan.<sup>2</sup> Meneliti "bagaimana" akses internet disediakan dan diperluaskan di Malaysia menimbulkan persoalan-persoalan kritikal tentang bagaimana penunjuk-penunjuk dan data-data sedia ada dikenal pasti dan dikumpulkan untuk mengukur capaian internet di negara ini dan sejauh mana "akses" membawa maksud akses yang bermakna untuk rakyat Malaysia. Akses Internet sebagai hak asasi manusia tidak dapat direalisasikan tanpa menggunakan pendekatan dan rangka kerja hak asasi manusia.

Pendekatan hak asasi manusia terhadap akses internet mesti berasal daripada prinsip-prinsip kesejagatan, kesaksamaan, tanpa diskriminasi, pemeraksanaan, akauntabiliti dan ketelusan. Ini bermakna "akses" haruslah bermakna dan berfungsi untuk memperkayakan realiti kehidupan masyarakat di Malaysia, dan seterusnya harus menyertakan cara menangani halangan-halangan yang mereka hadapi dalam melaksanakan hak asasi manusia mereka dalam talian dan dalam ruang digital.

Diiktiraf di seluruh dunia sebagai pemboleh hak asasi manusia yang genting, internet telah menjadi gerbang masuk kepada penjagaan kesihatan, maklumat, pendidikan, perlindungan kebajikan sosial, peluang pekerjaan dan penyertaan sosial, budaya dan politik. Pandemik COVID-19 khususnya telah menunjukkan betapa penting dan tingginya kebergantungan semua orang terhadap akses yang bermakna kepada internet. Berikutan itu, kekangan akses kepada internet mesti difahami untuk memperhalusi isu-isu berkaitan kemampuan, kecelikan digital, akses yang sama terhadap peluang untuk meningkatkan pengetahuan digital, kecelikan dan kemahiran, ketersediaan kandungan setempat yang boleh dipercayai dan berwibawa (bahasa, konteks) dan perlindungan yang dijamin dalam menegakkan hak mengakses maklumat dan menghasilkan bahan kandungan.

Ringkasan dasar ini membongkar isu-isu dan cabaran-cabaran dalam mempromosikan, memastikan dan melindungi akses internet sebagai hak asasi manusia. Beberapa cadangan dasar di peringkat kebangsaan memerlukan anjakan minda, bahawa akses internet adalah berasaskan keperluan dan didorong oleh komuniti. Ini bermakna tidak melihat komuniti yang kurang berpeluang atau tidak dapat berhubung dengan internet sebagai cabaran di penghujung tetapi sebaliknya ianya dijadikan cabaran permulaan bagi mengambil langkah-langkah yang perlu melalui kaedah kawal selia untuk memastikan pendekatan yang lebih berkesan dan mampan digunakan untuk pembangunan inklusif.

## KONTEKS DAN KEPENTINGAN MEMPROMOSIKAN DAN MELINDUNGI “AKSES INTERNET SEBAGAI HAK ASASI MANUSIA”

---

Penggunaan jalur lebar secara tradisinya ditakrifkan sebagai langganan di kediaman kepada akses internet berkelajuan tinggi.<sup>3</sup> Oleh itu, data sedia ada mengenai capaian internet di Malaysia sepintas lalu adalah mengagumkan tetapi sangat tidak tepat dalam memahami jurang. Capaian Internet di Malaysia diukur dengan penggunaan jalur lebar tetap dan jalur lebar mudah alih. Jalur lebar tetap merujuk kepada sambungan yang terikat pada lokasi yang tidak bergerak seperti rumah, sekolah atau pejabat. Jalur lebar mudah alih merujuk kepada sambungan mudah alih, biasanya melalui kad SIM dan diakses melalui telefon mudah alih.

Berdasarkan pada pengalaman mereka dalam bidang yang berusaha untuk meningkatkan kapasiti digital komuniti yang ketinggalan (luar bandar, terpinggir, dll.), penggunaan jalur lebar adalah **akses harian kepada internet**:

1. pada **kelajuan, kualiti dan kapasiti** yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas-tugas biasa,
2. dengan **kemahiran-kemahiran digital** yang diperlukan untuk **menyertai** dalam talian, dan
3. pada peranti **peribadi dan sesuai** serta **rangkaian mudah yang selamat**.<sup>4</sup>

Ini bermakna perlu ada piawaian yang ditetapkan secara jelas tentang Mbps minimum untuk syarikat-syarikat telekomunikasi menyampaikan dan memberi jaminan yang mencerminkan kemajuan-kemajuan terkini dalam teknologi, tawaran-tawaran pasaran oleh para pembekal dan permintaan pengguna. Sementara SKMM telah berunding dengan syarikat-syarikat telekomunikasi untuk menyemak standard minimum dan menaiktarafkan standard tersebut pada tahun 2021 untuk menjadi sekurang-kurangnya 2.5Mbps untuk jalur lebar tanpa wayar (90 peratus daripada keseluruhan masa, untuk semua rangkaian TDD (Time Division Duplex) dan FDD (Frequency Division Duplex), berdasarkan ujian statik (static test)) dan 25Mbps untuk akses tetap tanpa wayar (90 peratus daripada keseluruhan masa, untuk semua rangkaian TDD dan FDD, berdasarkan ujian statik), kelajuan-kelajuan ini adalah tidak mencukupi, terutamanya jika akses tanpa wayar akan kekal sebagai

alternatif yang lebih menonjol daripada akses jalur lebar tetap.<sup>5</sup> Boleh dikatakan, sambungan mudah alih adalah kurang stabil dan kurang berkemungkinan untuk menjadi berprestasi tinggi, dan dengan itu kurang kondusif untuk produktiviti dan kreativiti, berbanding dengan sambungan tetap. Dalam rundingan-rundingan yang dijalankan oleh KRYSS Network, capaian yang bermakna telah diterangkan sebagai “di mana sesiapa sahaja boleh mengakses Internet tanpa perlu memikirkan/khuatir tentang kualiti kelajuan, akses kepada peluang, kebolehpercayaan sambungan internet, atau nilai kos untuk membolehkan mereka terhadap akses sedemikian”.


### Data Sedia Ada Memberikan Gambaran Yang Salah Tentang Akses Internet

Data nasional yang dibentangkan untuk menggambarkan akses internet adalah berdasarkan bilangan langganan berbanding saiz penduduk di Malaysia. Oleh itu, keadaan di negeri-negeri tertentu di Malaysia akan kelihatan lebih baik daripada yang lain. Lazimnya, Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang mengatasi purata nasional manakala negeri Kelantan, Terengganu dan Sabah biasanya berada di bawah purata nasional. Bagaimanapun, Institut Penyelidikan Khazanah menjelaskan bahawa terdapat dua kemungkinan penjelasan untuk bilangan yang lebih tinggi. Pertama, firma-firma besar (yang sangat tertumpu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor) lebih cenderung untuk mendaftarkan kad SIM untuk kegunaan rasmi pekerja; kedua, data itu tidak mengambil kira pekerja asing dan pelarian tanpa izin. Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (IOM) menganggarkan bahawa terdapat kira-kira 2 hingga 4 juta pekerja asing tanpa izin di Malaysia.<sup>6</sup>

## Data Sedia Ada Gagal Mengukur Jurang dalam Akses dan Liputan Internet

Jabatan Perangkaan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) secara amnya membentangkan data tentang mereka yang mempunyai akses kepada internet tetapi gagal mempertimbangkan kualiti capaian itu dengan cara yang membolehkan keupayaan mereka mendapat manfaat daripada penggunaan internet. Pengguna-pengguna Internet seperti yang ditakrifkan oleh SKMM adalah mereka yang menggunakan internet dari mana-mana lokasi menggunakan mana-mana peranti dalam tempoh tiga bulan yang lepas dari masa tinjauan melalui telefon<sup>7</sup> ini dijalankan. Ini bermakna mereka yang tidak mempunyai akses internet yang boleh dipercayai dan bermakna tidak dikira dalam data. Apabila jurang-jurang dalam capaian internet tidak dikenal pasti dengan betul, hal ini akan mewujudkan anggapan yang tidak tepat bahawa perkhidmatan-perkhidmatan dan program-program semasa adalah mencukupi atau penyelesaian-penyelesaian tidak perlu disesuaikan untuk mereka yang belum disambungkan yang membolehkan akses yang bermakna. Contohnya, Rajah 1 di bawah menunjukkan pecahan pengguna-pengguna yang boleh mengakses internet mengikut kumpulan umur, tetapi bukan siapa dan berapa ramai dalam kumpulan umur tersebut yang tidak dapat memperoleh akses internet yang boleh dipercayai dan bermakna.

**Rajah 1: Taburan pengguna-pengguna internet mengikut umur**




Sumber: *kaji selidik pengguna-pengguna Internet SKMM 2020*

Penggunaan peratusan juga boleh mengelirukan kerana peratusan itu mungkin dilihat sebagai kecil atau boleh diabaikan tetapi jika 10 peratus daripada rakyat di Malaysia tidak dapat mengakses internet, ianya merujuk kepada satu jumlah yang melibatkan sekurang-kurangnya 3 juta orang.

Data terhadap capaian internet di negeri-negeri yang berbeza juga mengalami permasalahan serupa. Ia tidak mengambil kira kualiti kelajuan, kebolehppercayaan sambungan, jenis akses dan bilangan yang masih tidak mempunyai akses kepada internet, dan kawasan-kawasan di mana akses internet masih berada di bawah paras standard yang boleh diterima dan telah dinyatakan.

Sepintas lalu, data dalam Rajah 1 di bawah mungkin membayangkan bahawa capaian internet bertambah baik kerana peratusan penggunaan untuk kebanyakan jenis aktiviti dalam talian ini telah meningkat. Namun, apabila diteliti dengan lebih dekat, aktiviti-aktiviti dalam talian berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan, mendapatkan maklumat, pembelajaran dalam talian, permohonan pekerjaan, dan penjualan barangan dan perkhidmatan, menurun.

**Rajah 2: Jenis-Jenis Penggunaan Internet**



Sumber: *kaji selidik pengguna-pengguna Internet SKMM 2020*

Ini menunjukkan bahawa pada tahun 2020, mereka yang sudah mempunyai akses kepada internet, mungkin lebih bergantung kepada aktiviti membeli-belah dalam talian, perbankan dalam talian dan untuk memastikan diri mereka terhibur atau mengalihkan perhatian disebabkan oleh kehilangan pekerjaan atau kekurangan simpanan.

## Jurang Digital dan Akses Yang Tidak Sama Rata

### Isu Jantina

Bilangan lelaki melebihi bilangan wanita dalam pembahagian pengguna-pengguna internet (lihat Jadual 1). Kecenderungan yang sama dapat disaksikan secara global apabila melibatkan jurang digital antara jantina. Menurut data daripada Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa, jurang antara jantina untuk penggunaan internet secara global adalah sebanyak 12.5 peratus, dengan erti kata lain, bilangan lelaki lebih berkemungkinan menggunakan internet<sup>8</sup> sebanyak 12.5 peratus.

**Jadual 1: Penggunaan Internet Mengikut Jantina**

Tahun	Lelaki	Wanita	Nisbah Jantina (bilangan lelaki per 100 perempuan)
2020	54.3%	45.7%	106:100
2019	-	-	-
2018	59.0%	41.0%	107:100
2017	57.4%	42.6%	107:100
2016	59.4%	41.6%	107:100

Sumber: *Tinjauan pengguna-pengguna Internet SKMM 2016, 2017, 2018, dan 2020*

Satu tinjauan kuantitatif<sup>9</sup> terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah mendapati bahawa pelajar-pelajar lelaki mempunyai tahap kemahiran digital yang lebih tinggi berbanding pelajar-pelajar perempuan di kawasan luar bandar, dengan pelajar perempuan ketinggalan dari segi kemahiran operasi internet<sup>10</sup>, kemahiran-kemahiran kreatif<sup>11</sup>, dan kemahiran-kemahiran mudah alih.<sup>12</sup>

Tinjauan itu juga melaporkan bahawa pelajar-pelajar perempuan kurang mendapat latihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) berbanding pelajar lelaki di sekolah dan pelajar lelaki menghabiskan lebih banyak masa dalam talian. Perbezaan jurang jantina dalam kemahiran digital juga mencerminkan kecenderungan global dan berakar daripada ketidakaksamaan jantina dalam akses wanita terhadap pendidikan dan kemahiran literasi asas, sama ada mereka mempunyai kemahiran dan keyakinan untuk menggunakan teknologi asas, dan seterusnya, sama ada wanita mempunyai kemahiran dan keyakinan untuk mengambil bahagian dalam sektor teknologi dan dalam kerjaya STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik).<sup>13</sup>

### Isu Digitalisasi

Pandemik ini juga telah menjadikan jurang digital lebih ketara dalam kalangan perniagaan-perniagaan di Malaysia dan mereka yang kurang kemahiran digital berisiko untuk ketinggalan. Laporan Bank Dunia 2021 menunjukkan bahawa hanya satu pertiga daripada perusahaan-perusahaan Malaysia telah menggunakan teknologi digital dan kurang daripada satu perempat daripada mereka mempunyai pasukan digital yang khusus. Ramai yang menyebut kekurangan pembiayaan, teknologi yang tidak mencukupi dan kekurangan kemahiran digital dalam kalangan pekerja sebagai punca untuk tidak menggunakan teknologi digital<sup>14</sup>. Semasa pandemik dan pelaksanaan sekatan pergerakan, perniagaan-perniagaan yang telah beroperasi secara digital dapat bertahan dan menampung kekurangan sumber pendapatan secara tradisional. Perniagaan yang belum beroperasi secara digital bergelut untuk terus kekal terselamat.

Dalam tempoh minggu pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020, 70 peratus daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia melaporkan penurunan 50 peratus dalam perniagaan. Pada masa yang sama, perniagaan e-dagang melaporkan peningkatan dalam perniagaan seperti pembelian barangan bukan makanan dalam talian meningkat sebanyak 53 peratus, pembelian barangan runcit dalam talian sebanyak 144 peratus dan penghantaran makanan dalam talian sebanyak 61 peratus.<sup>15</sup>

Satu lagi contoh kesan negatif daripada ketidakediaan yang mengakibatkan capaian internet yang tidak sama rata sebagai hak asasi manusia adalah pembuangan hasil segar dan bunga-bunga oleh para petani di

Cameron Highlands kerana sekatan pergerakan dan ketidakupayaan untuk menjual hasil mereka melalui cara tradisional. Setelah kejadian itu menjadi tajuk utama berita negara, medium e-dagang Lazada bertindak dan menawarkan untuk menghubungkan para petani dengan para pembeli dan menjual hasil sebanyak 70 tan dalam tempoh 3 minggu<sup>16</sup> akan datang. Walaupun ini mungkin berkesan untuk sebahagian petani dan nelayan, masih terdapat keperluan bagi kerajaan untuk meneliti pengagihan pendapatan dalam pengaturan sedemikian supaya para petani dan nelayan dilayan sebagai rakan kongsi secara sama rata.

### **Isu-Isu Diskriminasi Kelas Sosial**

Rundingan-rundingan yang dijalankan oleh KRYSS Network juga menunjukkan perbezaan kelas yang berbeza dari segi memastikan capaian internet, menjejaskan golongan miskin bandar walaupun jiran-jiran mereka yang kaya dan lebih komersial boleh menikmati capaian yang lebih boleh dipercayai secara konsisten. Di satu pihak, penduduk-penduduk bandar kecil di Sabah diberitahu bahawa port untuk sambungan internet tidak mencukupi walaupun terdapat permintaan oleh penduduk-penduduk. Sebaliknya, syarikat-syarikat telekomunikasi kekal berat sebelah dalam memprofilkan para pengguna yang membayar dan oleh itu tidak akan mengambil risiko untuk menyediakan infrastruktur walaupun terdapat permintaan.

### **Laku Musnah dan Peralatan Dicuri**

Memburukkan lagi jurang perbezaan ini adalah isu laku musnah atau vandalisme iaitu menggali dan mencuri kabel gentian optik, pendawaian tembaga atau penjana di beberapa menara komunikasi yang menyebabkan gangguan perkhidmatan.<sup>17</sup> Media telah melaporkan bahawa laku musnah adalah punca biasa bagi gangguan internet di negeri Sarawak.<sup>18</sup>

### **Data Ditunjukkan daripada Perspektif Tunggal**

Bilangan pengguna internet yang tinggi adalah terdiri daripada orang dewasa daripada 20-an (46.0%) dan 30-an (21.2%) pada tahun 2020.<sup>19</sup> SKMM mentafsirkan bahawa umur purata

pengguna internet yang semakin tinggi – daripada 33.0 tahun pada 2016 kepada 36.2 tahun pada 2018 membayangkan bahawa pengguna daripada kumpulan umur yang lebih tinggi ini akan datang dalam talian. Walau bagaimanapun, ini juga boleh bermakna bahawa golongan muda tidak mampu mengakses internet sehingga pertengahan 30-an apabila mereka mencapai tahap kuasa beli tertentu.

### **Jurang dalam Penunjuk- Penunjuk pada Liputan Rangkaian**

Pada Jun 2020, kisah Veveonah dari Pitas, Sabah menjadi tajuk utama berita antarabangsa apabila video YouTube-nya menjadi tular, menunjukkan dia mengambil peperiksaan daripada atas pokok kerana sambungan mudah alih yang lemah di kampung pedalamannya. Pada November 2020, media melaporkan berita Nurlieda Khaleeda Mohd Azmi terpaksa mendaki bukit untuk mengambil peperiksaannya. Bukit yang terletak di belakang rumahnya di Kampung Bukit Petai Tujuh di Kelantan, merupakan satu-satunya lokasi di kampungnya yang mempunyai capaian internet yang baik.<sup>20</sup> Mendaki bukit untuk akses internet tersebut boleh mengambil masa pengguna sehingga beberapa jam, tetapi ia merupakan kos yang tidak diambil kira dalam data nasional. Apabila melibatkan data nasional, Veveonah dan Nurlieda akan dianggap sebagai "mereka yang mempunyai akses internet" hanya kerana mereka mempunyai kad sim dan telefon pintar.

Melalui Jendela.my, orang ramai boleh menyemak ketersediaan liputan rangkaian dan juga memberikan maklum balas secara langsung jika maklumat yang disampaikan tidak tepat.<sup>21</sup> Dengan adanya data sedemikian, hal ini adalah penting bahawa pengukuran capaian internet bukan sahaja berdasarkan penggunaan internet selama 3 bulan yang lalu atau melalui langganan jalur lebar, tetapi juga untuk mempertimbangkan ketersediaan capaian internet di rumah, sekolah dan tempat kerja seseorang untuk tempoh masa yang bermakna (dalam cara yang konsisten dan boleh dipercayai).

Sehingga 2020, 11.3 peratus penduduk Malaysia adalah bukan pengguna internet dan 20 peratus penduduk dalam negara masih mempunyai akses internet yang sangat lemah.<sup>22</sup> Isu isyarat rangkaian yang lemah akibat ketiadaan stesen pangkalan atau menara telekomunikasi bukan sahaja berlaku di kawasan luar bandar dan terpencil tetapi masih menjadi masalah besar yang dihadapi oleh mereka yang tinggal di

kawasan-kawasan bandar di Selangor seperti Taman TAR di Ampang, Jalan Damai Jasa di Alam Damai, Cheras Hartamas dan kawasan-kawasan tertentu di Subang.

### **Pemecahan Data**

Satu lagi isu utama ialah pemecahan data terhadap capaian internet. Pada masa ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan SKMM kedua-duanya menggunakan metrik yang berbeza dalam mengukur capaian internet. DOSM menggunakan tinjauan isi rumah di mana para responden ditanya sama ada mereka menggunakan internet dalam rumah mereka dalam tempoh tiga bulan yang lalu, dan ianya tidak jelas daripada statistik ini jika ia merujuk kepada jalur lebar tetap atau mudah alih.<sup>24</sup> Buku Poket Perangkaan SKMM telah mengira capaian internet dengan membahagikan bilangan akaun jalur lebar berdaftar mengikut saiz populasi negara. Tambahan pula, setiap kementerian akan mempunyai tinjauan individu dan data penggunaan internet berdasarkan mandat kementerian iaitu tinjauan Kementerian Pendidikan tentang pembelajaran jarak jauh untuk kanak-kanak dan data Kementerian Kewangan tentang ekonomi digital, dsb.

Pemecahan data bermakna jabatan yang berbeza melihat halangan kepada akses internet dan digitalisasi secara berasingan. Jurang dalam data kemudiannya akan membawa kepada penyelesaian yang tidak efektif dan mungkin bermasalah dalam menangani jurang digital, walaupun dilakukan dengan niat yang baik.

### **Konflik Kepentingan**

Penswastaaan sektor telekomunikasi di Malaysia pada tahun 1980-an bermakna keputusan pembinaan stesen pangkalan bukan terletak pada kerajaan secara langsung tetapi kepada syarikat-syarikat telekomunikasi, yang cenderung untuk mengutamakan kepentingan pihak-pihak berkepentingan (tekanan diberikan terhadap keuntungan) dan bukannya kepentingan awam dan kebajikan sosial. Pada setakat Oktober 2021, kerajaan mengekalkan 0.38 peratus kepentingan dalam Telekom Malaysia—syarikat telekomunikasi terbesar dalam negara dan monopoli infrastruktur talian tetap di negara ini. Lebih daripada 50 peratus saham dalam Telekom Malaysia dimiliki oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (iaitu Khazanah Nasional Berhad) dan badan-badan berkanun (iaitu Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, AmanahRaya Trustees

Berhad, Kumpulan Wang Persaraan).<sup>25</sup> Konflik kepentingan dalam peranan dan tanggungjawab kerajaan ini boleh membataskan kreativiti dan pembangunan serta pelaksanaan penyelesaian yang berkesan. Apabila kepentingan orang ramai diutamakan, jalan-jalan penyelesaian boleh menjadi kreatif, mengutamakan rakyat dan menjimatkan kos. Contohnya, di kampung Veveonah di Sabah, penduduk-penduduk kampung mendapat idea untuk mengangkat telefon bimbit di atas tiang buluh selepas menghidupkan ciri *hotspot* pada telefon mudah alih mereka, membolehkan semua orang di sekitar berkongsi capaian internet di telefon mereka.



## AKSES YANG BERMAKNA MEMBAWA KEPADA PEMBANGUNAN DAN PENYERTAAN INKLUSIF

---

Dalam satu laporan oleh Institut Penyelidikan Khazanah, penulis menggambarkan bahawa apabila harga data mudah alih turun, bilangan langganan jalur lebar mudah alih meningkat dengan berkesan, dan sebenarnya, hal ini menyimpulkan bahawa Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dari segi kemampuan jalur lebar mudah alih.<sup>26</sup> Pada 2019, harga data bagi setiap gigabit (GB) untuk jalur lebar mudah alih prabayar dan pascabayar adalah kurang daripada 0.3 peratus daripada median pendapatan bulanan individu di setiap negeri – jauh di bawah ambang kemampuan 2 peratus yang dicadangkan oleh *Alliance for Affordable Internet* (A4AI). Ini menunjukkan bahawa data mudah alih adalah agak berpatutan di Malaysia. Bagaimanapun, kebergantungan yang terlalu tinggi terhadap penyediaan akses jalur lebar mudah alih untuk meningkatkan capaian internet di negara ini adalah bermasalah.

### Hak Pendidikan

Mempunyai akses kepada jalur lebar mudah alih tidak bermaksud bahawa ianya adalah capaian yang bermakna kepada internet. Pelajar-pelajar yang tidak mempunyai jalur lebar tetap di rumah menghadapi cabaran untuk menghadiri kelas dalam talian. Walaupun subsidi data mudah alih telah disediakan oleh kerajaan, ianya adalah tidak mencukupi untuk menyokong keperluan waktu kelas yang panjang di rumah.<sup>27</sup> Kementerian Pendidikan mengakui bahawa seramai 21,316 pelajar berhenti sekolah semasa perintah kawalan pergerakan dari bulan Mac 2020 hingga Julai 2021.<sup>28</sup> Tinjauan “Family On Edge” 2020 yang dilakukan bersama oleh Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) mendapati bahawa bilangan pelajar dari kebanyakan komuniti miskin Lembah Klang berhenti sekolah pada kadar yang membimbangkan akibat gangguan wabak COVID-19 terhadap pendidikan mereka. Tinjauan mendapati bahawa ada di antara kanak-kanak itu telah hilang semangat atau hilang minat untuk meneruskan persekolahan, manakala sebilangan keluarga menghadapi kesukaran membayar yuran pengajian dan

pengangkutan atau memberi wang saku. Tinjauan itu juga mendapati lapan daripada sepuluh orang pelajar berasal daripada isi rumah yang tidak mempunyai komputer atau komputer riba, manakala sembilan daripada sepuluh buah keluarga hanya mempunyai telefon pintar (yang bergantung pada capaian jalur lebar mudah alih) sebagai peranti pembelajaran mereka.

### Hak Memperoleh Pendapatan

Kekurangan akses internet yang bermakna boleh bermaksud pengurangan akses terhadap peluang-peluang untuk tenaga kerja untuk meningkatkan pengetahuan digital, celik huruf dan kemahiran-kemahiran mereka untuk kekal relevan dan sesuai untuk bekerja dalam pasaran pekerjaan bagi platform ekonomi, automasi dan digitalisasi yang berubah pantas. Ketidakupayaan untuk mendapatkan gaji sara hidup supaya mempunyai tahap simpanan yang mencukupi dicerminkan dalam laporan Institut Penyelidikan Khazanah tentang “Keadaan Isi Rumah” dan jumlah individu di Malaysia yang menderita (terutamanya daripada isi rumah B40) apabila mereka tidak mempunyai KWSP atau simpanan untuk digunakan semasa perintah kawalan pergerakan pada 2020 dan 2021. Dalam Tinjauan “Hopes and Fears” oleh PwC pada 2021, 71 peratus bimbang mereka mungkin kehilangan pekerjaan disebabkan oleh automasi – dengan hanya 19 peratus menyatakan bahawa mereka mempunyai kemahiran digital yang mencukupi untuk melaksanakan pekerjaan mereka dan 57 peratus mengatakan mereka telah meningkatkan kemahiran digital mereka sejak wabak itu.<sup>29</sup>

Kajian oleh Institut Penyelidikan Khazanah juga menunjukkan keperluan mendesak untuk meningkatkan tenaga kerja dan pelengkap kepada program-program peningkatan kemahiran yang berterusan adalah untuk menjamin akses internet yang boleh dipercayai, berpatutan dan berkualiti.

## Hak untuk Mendapatkan Maklumat & Pembangunan Diri

Rundingan-rundingan telah menunjukkan bahawa ramai orang dalam kalangan isi rumah miskin bandar dan B40 masih tidak mengetahui pelbagai jenis program dan bantuan yang boleh mereka dapatkan. Ini bermakna walaupun laman web dan platform agensi kerajaan telah dibangunkan, laman web ini tidak dilawati oleh mereka yang memerlukan maklumat sedemikian atau tidak boleh diakses kerana ia tidak direka untuk penggunaan pelbagai jenis platform (akses talian tetap dan akses mudah alih) atau untuk orang kurang upaya. Beberapa cabaran akses asas kepada maklumat termasuk terpaksa menunggu seseorang yang mempunyai capaian yang lebih stabil untuk menghidupkan *hotspot* mereka, tidak dapat mengakses Internet untuk jumlah masa yang konsisten setiap hari,<sup>30</sup> tidak dapat menaik taraf peranti pada kos yang berpatutan (contohnya, daripada TV analog kepada TV digital supaya mereka sekurang-kurangnya boleh mempunyai penerima digital, atau telefon pintar yang boleh menyokong aplikasi-aplikasi terkini), dan bagaimana kecelikan digital kurang difahami dan dianggap sebagai penglibatan setakat di Facebook dan WhatsApp.

Selain itu, terdapat isu akses kepada maklumat dan pengetahuan untuk pembangunan diri. Ini memerlukan pendekatan yang menekankan penyampaian kemahiran kecelikan digital (cara mengenal pasti sumber maklumat yang berwibawa dan boleh dipercayai) dan bukannya langkah yang menggunakan penapisan dan pengharaman laman web/kandungan.

## Hak untuk Bersuara dan Penyertaan

Pembangunan dan penyertaan yang inklusif hanya boleh berlaku dalam demokrasi yang sihat, dan akan membawa Malaysia ke arah ekonomi yang mampan dan berkembang dengan lebih berkesan. Ini adalah salah satu ciri utama hak asasi manusia—kebergantungan—dan kemahuan politik

malah keberanian politik diperlukan untuk menegakkan ciri kritikal ini dan merupakan satu ciri wajib bagi "akses internet sebagai hak asasi manusia".

Langkah yang berkesan perlu diambil untuk memastikan rundingan-rundingan dengan komuniti terjejas disebabkan oleh undang-undang, dasar dan program diperkenalkan. Terdapat juga keperluan mendesak untuk menangani keganasan dalam talian berasaskan gender, gangguan seksual dan ucapan berunsurkan kebencian. Walaupun gangguan dalam talian menjejaskan semua orang, wanita dan kanak-kanak perempuan terutamanya sering mengalami pelbagai bentuk keganasan dalam talian berasaskan gender—*doxxing*<sup>1</sup>, gangguan seksual, serangan berkumpulan dalam talian, ancaman rogol dan kecederaan badan, dsb—yang telah memaksa mereka untuk menafikan diri mereka hak mengakses internet dan tidak melibatkan diri dengan pandangan/perbincangan yang mempengaruhi kehidupan mereka.

Pendekatan untuk menangani isu ini mestilah memperkasakan dan bukannya melindungi.<sup>31</sup> Pertubuhan masyarakat sivil (CSO) berasaskan hak yang bekerja dengan kanak-kanak telah berkongsi bahawa kanak-kanak yang dididik tentang keselamatan digital (sama ada oleh CSO atau diri mereka sendiri) lebih berupaya untuk mengenal pasti langkah-langkah dan cara-cara untuk melindungi diri mereka dalam talian apabila mengambil bahagian/terlibat dalam ruang digital. Ini adalah ciri utama masyarakat berpengetahuan, dan masyarakat seperti itu hanya boleh dicapai jika akses kepada internet disediakan menggunakan pendekatan pemerksaan, di mana membuat keputusan tentang kandungan yang berguna dan cara menggunakan internet diserahkan kepada pengguna.

<sup>1</sup> *Doxxing* adalah satu perbuatan di mana pendedahan terhadap seseorang dalam talian dilakukan. Maklumat pendedahan melibatkan nama sebenar mereka, alamat

rumah, alamat tempat kerja, kewangan dan maklumat peribadi yang lain.

## INISIATIF-INISIATIF UNTUK MENINGKATKAN AKSES KEPADA INTERNET

---

Apabila kerajaan Pakatan Harapan dipilih untuk memerintah pada Mei 2018, Menteri Komunikasi dan Multimedia ketika itu, Gobind Singh, telah menguatkuasakan Standard Mandatori bagi Penetapan Harga Akses (MSAP), yang menghadkan harga borong yang boleh dikenakan oleh penyedia-penyedia perkhidmatan dan mengurangkan harga jalur lebar tetap. Pada awal 2019, SKMM mengeluarkan kenyataan akhbar mengumumkan pengurangan sebanyak 30 peratus untuk pakej jalur lebar berkelajuan tinggi peringkat permulaan.<sup>32</sup>

Pada 2019, Pakatan Harapan telah memulakan Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP), satu pelan untuk tempoh lima tahun untuk menambah baik liputan jalur lebar talian tetap. Pada 2020, kerajaan Perikatan Nasional melancarkan Jalinan Digital Negara (JENDELA), rancangan lima tahun untuk meningkatkan liputan 4G, meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih, dan meningkatkan akses seluruh negara kepada perkhidmatan jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit. Infrastruktur 5G dijangka digunakan di bawah fasa 2 JENDELA, selepas liputan 4G mencapai kemuncaknya.

Walaupun kerajaan Barisan Nasional telah menyediakan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) di bawah SKMM untuk meningkatkan kesalinghubungan di kawasan luar bandar, dana itu masih belum dapat merapatkan jurang digital sejak penubuhannya 17 tahun lalu. Antara kebimbangan-kebimbangan lain di sekitar Dana USP ialah tadbir urus penggunaan dana yang tidak betul dan rangka kerja dan dasar yang lapuk.<sup>33</sup>

### IMPLIKASI DASAR

---

Memastikan capaian internet bukan semata-mata tentang menentukan pakej dan peranti-peranti alternatif yang lebih murah (tetapi penghantaran jalur lebar yang perlahan dan kurang, pemprosesan dan kapasiti memori/storan) untuk menjadikannya mampu milik kepada golongan miskin. Jalan-jalan penyelesaian sepatutnya berasaskan keperluan dan diuruskan oleh komuniti itu sendiri, terutamanya bagi mereka yang berada di kawasan luar bandar, terpencil dan/atau tidak bersalinghubung.

Pelancaran Pusat Internet 1Malaysia dilaporkan menelan belanja kira-kira RM3 juta bagi setiap pusat. Walaupun pusat-pusat ini mempunyai peranti yang mengagumkan dan dilengkapi dengan baik, sejauh mana keberkesanan pusat tersebut memberi manfaat kepada komuniti sebahagian besarnya bergantung pada minat, motivasi dan kapasiti pengurus. Kebanyakan pusat ini adalah membebankan dan terdapat inisiatif untuk menaik taraf pusat-pusat ini menjadi pusat sehati untuk akses internet, pendidikan dan pembangunan perniagaan.<sup>34</sup> Walau bagaimanapun, ini bermakna lebih banyak dana dibelanjakan untuk menyelamatkan dan memperbaiki pelaburan awal tersebut di mana kejayaannya masih bergantung kepada siapa pengurusnya. Dana itu boleh dibelanjakan

dengan lebih baik untuk menubuhkan rangkaian komuniti yang diuruskan oleh komuniti untuk komuniti dengan harga kurang daripada 1/10 daripada kos. Kebiasaannya, teknologi yang diperlukan untuk membina dan menyelenggara rangkaian adalah semudah penghala tanpa wayar yang tersedia.<sup>14</sup>

Dalam kes lain, ianya lebih sukar dan memerlukan perubahan pada perisian tegar, perkakasan dan perisian. Inisiatif rangkaian komuniti yang berjaya boleh didapati di India, dengan beberapa inisiatif yang direka bentuk secara sengaja dengan berunding bersama wanita dan gadis untuk diuruskan oleh wanita dan gadis. Di Afrika Selatan, komuniti yang tinggal di kawasan yang jauh dan "tidak berdaya maju" dari segi ekonomi di mana hal ini melibatkan pengendali-pengendali telekomunikasi, menjalankan perkhidmatan internet milik komuniti dan kendalian komuniti yang disesuaikan dengan keperluan tempatan mereka.<sup>35</sup>

## Jurang dalam Dasar, Undang-Undang dan Program / Perkhidmatan

### *Undang-undang sedia ada menafikan pemilikan internet sebagai barang awam*

Penjualan akses internet dibahagikan kepada syarikat telekomunikasi yang seterusnya memutuskan cara mereka mentafsir cara untuk mencapai 95% daripada populasi. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dalam pengeluaran lesen dan dalam pemberian spektrum kepada pengendali telekomunikasi diberi kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia untuk menetapkan terma dan syarat tertentu dalam kontraknya. Bagaimanapun, kontrak itu sering difahami oleh pengendali bahawa mereka perlu menyediakan kesalinghubungan kepada 95 peratus penduduk negara, bukan 95 peratus kawasan geografi atau 95 peratus kawasan berpenduduk. Tidak dapat dielakkan, Pengendali kelihatan menikmati kelemahan dalam undang-undang tersebut untuk menumpukan hanya pada kawasan berpenduduk tinggi dan komersial, dan bukannya 5 peratus penduduk yang tinggal di kawasan terpencil dan luar bandar.<sup>36</sup>

### *Kekurangan latihan/Pendidikan yang sensitif terhadap gender dalam Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (ICT) berisiko meningkatkan jurang digital berdasarkan gender*

Seperti yang dibentangkan sebelum ini, kekurangan latihan/pendidikan yang sensitif terhadap gender dalam ICT boleh mengakibatkan perbezaan besar dalam kemahiran digital wanita dan kanak-kanak perempuan berbanding lelaki dan kanak-kanak lelaki. Ini seterusnya menyumbang kepada fenomena, terutamanya dalam kalangan wanita dan gadis, bagaimana celik digital hanya dianggap sebagai "mengetahui Facebook" dan "menggunakan WhatsApp". Pengetahuan dan kemahiran yang terhad mengehadkan potensi wanita dan gadis untuk mengakses peluang pekerjaan dan perniagaan yang lebih baik, terutamanya dengan peningkatan ekonomi platform dan ekonomi

gig. Melalui fail podcast GOSSIP KRYSS Network, kami mendapat tahu bahawa semasa perintah kawalan pergerakan, ramai wanita mendapati diri mereka menghadapi pengangguran yang teruk dan cabaran dalam mengakses peluang pekerjaan berbanding dengan rakan lelaki mereka. Program kecelikan digital yang dimaksudkan untuk wanita muda mempunyai wanita berusia 30-an dan 40-an yang memohon untuk menyertai.

## Cadangan Dasar untuk Negeri

1. Menyediakan jalur lebar tetap yang percuma dan selamat di tempat awam di mana komuniti tempatan berkumpul: Jalur lebar tetap percuma untuk ditawarkan di tempat-tempat di mana komuniti setempat biasa berkumpul iaitu pasar, balai raya tempatan, sekolah dll. Rangkaian juga harus disulitkan untuk memastikan privasi dan keselamatan mereka yang mengakses rangkaian.
2. Melalui rundingan dan penyelidikan, mengenal pasti dan/atau membangunkan penunjuk yang sesuai untuk mengukur capaian dan penggunaan internet yang bermakna dan pelbagai jurang yang wujud kerana lokasi, umur, jantina, kuasa ekonomi/membeli, etnik, pendidikan dan celik huruf, keupayaan tubuh dan faktor-faktor lain serta penanda identiti. Contohnya, satu penunjuk untuk bahagian pembayaran untuk salinghubung jalur lebar/akses internet berbanding jumlah pendapatan sebulan akan menunjukkan tahap kebergantungan kepada internet dan kemungkinan kos peluang untuk pengguna (contohnya, berbelanja kurang sedikit untuk makanan berkhasiat untuk mendapatkan akses supaya pekerjaan terjamin). Bilangan telefon bimbit/kad SIM yang digunakan wanita untuk salinghubung ke Internet mungkin menunjukkan isu keselamatan dan privasi. Ia tidak semestinya bermakna kualiti capaian internet adalah baik. Jika individu membayar bahagian yang lebih besar daripada pendapatan mereka untuk akses internet berbanding perbelanjaan mereka untuk makanan,

tempat tinggal dan/atau penjagaan kesihatan, itu boleh menunjukkan kos akses yang jauh lebih tinggi sebenarnya untuk individu tersebut.

3. Mengumpul dan menjadikan data boleh diakses secara umum yang mengukur akses kepada internet dengan ketepatan yang dipertingkatkan. Data liputan sebaiknya dipersembahkan mengikut kualiti kelajuan (3G, 4G dan 5G tidak lama lagi) dan jenis akses (mudah alih atau jalur lebar) dan bilangan yang masih tidak mempunyai akses. Data sedemikian hendaklah dipersembahkan dengan cara yang serupa dengan cara data kepadatan penduduk mengikut kawasan geografi dipersembahkan. Peta-peta liputan Internet harus mempunyai ciri yang sama dalam cara data dipersembahkan dari segi taburan dan keamatan peta taburan hujan.
4. Mempercepatkan pelaksanaan dasar untuk data terbuka kerajaan.
5. Pelan jalur lebar nasional yang sedia ada dan masa hadapan atau dasar lain tentang kesalinghubungan rangkaian harus mengutamakan penyediaan akses dan penggunaan internet yang bermakna kepada orang ramai daripada semua komuniti berbanding pembangunan teknologi lain yang hanya memanfaatkan sektor kecil masyarakat. Kita berisiko meningkatkan lagi ketidaksamarataan sosio-ekonomi sekiranya kita terus meninggalkan mereka ini.
6. Menjadikan komputer dan telefon mudah alih kos rendah yang berkualiti dan boleh diakses. Di bawah Jaringan Prihatin oleh YTL Communication, pengendali telekomunikasi di Malaysia, telefon percuma dengan data percuma telah diberikan kepada lebih 100,000 pelajar untuk menyokong pembelajaran jarak jauh pada 2020 apabila pergerakan masih dihadkan.<sup>37</sup> Walaubagaimanapun, telefon percuma yang ditawarkan ialah telefon berspesifikasi rendah dan ramai yang mendapati spesifikasi teknikal telefon tersebut tidak sesuai untuk pembelajaran dalam talian dan aplikasi yang diperlukan serta waktu yang diperlukan untuk kelas-kelas. Media juga melaporkan insiden bateri telefon meletup ketika seorang kanak-kanak menghadiri kelas dalam talian melalui telefon.<sup>38</sup>
7. Menentukan standard "akses bermakna" untuk dipenuhi sebelum syarikat-syarikat boleh memohon potongan cukai yang berkaitan dengan penyediaan sambungan internet dan peranti (seperti telefon bimbit, komputer riba, dll.) di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat. Kelajuan kesalinghubungan dan peranti mesti sepadan dengan kemajuan terkini dalam teknologi, tawaran pasaran oleh pembekal dan permintaan pengguna untuk tugas/aktiviti akses yang bermakna untuk pengguna.
8. Menyediakan subsidi terus untuk pembelian komputer, tablet dan telefon mudah alih untuk isi rumah dan individu berpendapatan rendah. Walaupun kerajaan menawarkan pelepasan cukai untuk pembelian peranti elektronik, banyak keluarga dan individu B40 sering tidak mencapai ambang pendapatan bercukai dan oleh itu mereka jatuh dalam retakan insentif kerajaan tersebut.
9. Menyediakan sokongan teknikal berterusan kepada penduduk di kawasan luar bandar dan terpencil yang memerlukan bantuan sosial dan teknikal untuk memastikan komputer mereka sentiasa aktif dan berfungsi—dan disambungkan dalam talian—dari masa ke semasa.
10. Rundingan yang bermakna dan inklusif tentang akses internet dengan masyarakat dan komuniti sivil. Masyarakat sivil dan komuniti yang terjejas harus dirujuk di peringkat persekutuan dan negeri tentang tadbir urus internet, perancangan infrastruktur dan peraturan serta pembangunan teknologi, yang harus menangani isu keganasan dalam talian berasaskan gender, gangguan seksual dan ucapan kebencian.<sup>39</sup> Menangani isu keganasan dalam talian berasaskan gender khususnya memerlukan pendekatan pelbagai sektor dan antara kementerian. KRYSS Network telah menggariskan pengesyoran terperinci dalam Ringkasan Dasar berasaskan tentang "Keganasan Dalam Talian Berasaskan Gender: Isu dan Implikasi Dasar" daripada rundingan-rundingan dengan pelbagai pihak berkepentingan—pencipta kandungan, ahli akademik, wartawan, aktivis hak asasi manusia,

wanita muda dan lain-lain. Penyertaan masyarakat sivil dan komuniti dalam inisiatif seperti Majlis Kebangsaan Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (MED4IR) dan Forum Tadbir Urus Internet Malaysia (MyIGF) akan membawa pandangan berharga tentang halangan dan realiti jurang digital dan secara tidak langsung membantu pembangunan dasar dan penyelesaian yang lebih baik untuk capaian internet yang bermakna kepada semua.

11. Membangunkan Dasar Akses Internet Luar Bandar yang membenarkan rangkaian komuniti untuk beroperasi sepenuhnya atau sebahagiannya oleh komuniti tempatan dan/atau pertubuhan bukan kerajaan, dengan sokongan dan penyertaan sektor swasta dan/atau majlis tempatan. Rangkaian ini selalunya berasaskan idea internet oleh rakyat untuk rakyat. Di sinilah tempat komuniti berkumpul untuk membina dan mengekalkan infrastruktur yang diperlukan untuk sambungan internet.<sup>40</sup> Satu contoh yang berjaya adalah *Wireless Women for Entrepreneurship & Empowerment (W2E2)*, sebuah program oleh *Digital Empowerment Foundation (DEF)* di India untuk mewujudkan perusahaan dan usahawan sosial mikro ICT yang dipacu oleh wanita, disokong oleh internet tanpa wayar di lokasi atau daerah yang mundur dari segi sosial di India dan menyumbang kepada persekitaran internet dan Internet untuk pembabitan gender dan pemerksaan wanita. Faktor-faktor dasar dan kawal selia untuk membolehkan rangkaian komuniti berjaya termasuk, pelesenan inovatif, peluang pembiayaan yang boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada dana perkhidmatan sejagat (USF), dan akses kepada spektrum.<sup>41</sup>
12. Memastikan bahawa spektrum tersebut adalah satu kebaikan awam. Akses kepada spektrum mampu milik dan tersedia adalah prinsip asas untuk memastikan akses kepada ICT dan pembangunan rangkaian masa hadapan. Spektrum mesti dianggap sebagai sumber biasa untuk diurus dengan cekap dan berkesan. Ia adalah peraturan tradisional yang telah membawa kepada penggunaan spektrum yang tidak cekap yang

seterusnya menyumbang kepada mitos kekurangan spektrum. Pelesenan tradisional mengutamakan penggunaan eksklusif, berbanding penggunaan bersama dan broad licence. Lesen penggunaan eksklusif memberikan satu pemegang lesen penggunaan tanpa batasan bagi sebilangan besar spektrum tertentu.

Ini boleh mengakibatkan sebahagian besar spektrum tidak digunakan atau kurang digunakan. Broad licence pula meliputi kawasan-kawasan geografi yang besar; walau bagaimanapun, penyedia-penyedia perkhidmatan kini yang mempunyai hak untuk broad licence ini mungkin tidak mempunyai insentif ekonomi untuk membina rangkaian mereka untuk menggunakan sepenuhnya semua spektrum yang dilesenkan kepada mereka. Ini juga boleh mengakibatkan sebahagian besar spektrum tidak digunakan atau kurang digunakan.

Oleh itu, tidak menghairankan bahawa spektrum hanya tersedia kepada pembida-pembida tertinggi, dan penyedia-penyedia perkhidmatan yang telah membuat pelaburan yang besar untuk mendapatkan hak spektrum ini akan menjangkakan eksklusiviti. Beberapa idea untuk membolehkan akses kepada spektrum dengan lebih baik adalah dengan menyediakan akses kepada spektrum tidak berlesen, membenarkan akses spektrum yang dikongsi atau akses spektrum dinamik dan menyediakan lesen spektrum alternatif seperti lesen untuk tujuan sosial.<sup>42</sup>

13. Berusaha ke arah menyediakan jalur lebar tetap percuma kepada isi rumah B20: Kos terus menjadi penghalang utama kepada penggunaan jalur lebar tetap. Campur tangan yang berjaya perlu menangani "keupayaan untuk membayar" dan bukannya "kesediaan untuk membayar". Tambahan pula, "kesediaan untuk membayar" untuk mereka yang berasal daripada isi rumah berpendapatan rendah atau yang terus berjuang untuk memenuhi keperluan hidup sebenarnya mungkin berada dalam situasi "tiada pilihan selain membayar".

**Ringkasan dasar ini ditulis daripada konsultasi kami dengan beberapa organisasi dan individu. Konsultasi dilakukan dengan:**

1. Hazri Haili, Me.Reka & Biji-Biji Initiative
2. Sharvessh Ranjan, Me.Reka & Biji-Biji Initiative
3. Dharma, Me.Reka & Biji-Biji Initiative
4. Thilaga, Justice for Sisters
5. May, Refuge for Refugees
6. Cheryl Fernando, PEMIMPIN GSL
7. Lilli Li, Center for Orang Asli Concerns
8. Faezza Panjang, Center for Orang Asli Concerns
9. Zila, Wisdom Foundation
10. Freeda, Wisdom Foundation
11. Thivya, Monsters Among Us
12. Kenneth, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
13. Mangles, Women's Centre for Change (WCC)
14. Dila, Women's Centre for Change (WCC)
15. Rachel Gong, Khazanah Research Institute
16. Aleza, Sisters in Islam (SIS)
17. Christyne, Sabah Women's Action Resource Group (SAWO)
18. Winnie, Sabah Women's Action Resource Group (SAWO)
19. Adnan, Architects of Diversity (AOD)

## CATATAN HUJUNG

<sup>1</sup> Borneo Post. (30 August 2021). Internet access is a human right, says Communications Minister. Borneo Post Online. Diakses daripada: <https://www.theborneopost.com/2021/08/30/internet-access-is-a-human-right-says-communications-minister/>

<sup>2</sup> Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (27 Jun 2016). *Human Rights Council Thirty-Two Sessions: The promotion, protection, and enjoyment of human rights on the internet (A/HRC/32/L.20)*. Diakses daripada: [https://www.article19.org/data/files/Internet\\_Statement\\_Adopted.pdf](https://www.article19.org/data/files/Internet_Statement_Adopted.pdf)

<sup>3</sup> Contohnya, lihat John Horrigan, *Broadband Adoption at Home in the United States: Growing but Slowing* (Washington, DC: PEW Internet and American Life Project, 2005); dan Jon P. Gant, Nicol E. Turner-Lee, Ying Li, dan Joseph S. Miller, *National Minority Broadband Adoption: Comparative Trends in Adoption, Acceptance and Use* (Washington, DC: Joint Center for Political and Economic Studies, 2010).

<sup>4</sup> Angela Siefer dan Colin Rhinesmith, *ULC Leadership Brief* (akan datang).

<sup>5</sup> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2016). *Public Inquiry Report: Review of the Mandatory Standards for Quality of Service (Wireless Broadband Access Service)*. Diakses daripada: [https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/PI-Report-MSQoS-Wireless-Broadband\\_3July2021.pdf](https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/PI-Report-MSQoS-Wireless-Broadband_3July2021.pdf)

<sup>6</sup> Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM). (2021). *Malaysia Facts and Figures*. Diakses daripada: <https://www.iom.int/countries/malaysia>

<sup>7</sup> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2020). *Internet Users Survey 2020*. Diakses daripada: <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Report.pdf>

<sup>8</sup> Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU). (Julai 2021). *Bridging the gender divide*. Diakses daripada: <https://www.itu.int/en/mediacentre/backgrounders/Pages/bridging-the-gender-divide.aspx>

<sup>9</sup> Ahmad, N. A., Ayub, A. F. M., & Khambari, M. N. (2019). *Gender Digital Divide: Digital Skills among Malaysian Secondary School*. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4), 668–687. Diakses daripada: [https://hrmars.com/papers\\_submitted/6692/Gender\\_Digital\\_Divide\\_Digital\\_Skills\\_among\\_Malaysian\\_Secondary\\_School.pdf](https://hrmars.com/papers_submitted/6692/Gender_Digital_Divide_Digital_Skills_among_Malaysian_Secondary_School.pdf)

<sup>10</sup> Kemahiran beroperasi dirujuk sebagai kecekapan yang berkaitan dengan keupayaan untuk menggunakan dan mengawal perisian rangkaian seperti pelayar, mengendalikan enjin carian berasaskan internet dan mengendalikan borang berasaskan internet.

<sup>11</sup> Kemahiran mencipta kandungan dan kemahiran pembangunan laman web merujuk kepada kebolehan menghasilkan kandungan yang dijana pengguna dalam kualiti yang boleh diterima untuk diterbitkan dalam talian, dengan membuat, menyunting, mengadun semula pelbagai jenis format media seperti teks, muzik dan video, foto atau imej, multimedia dan kandungan campuran semula.

<sup>12</sup> Menggunakan dan mengendalikan peranti mudah alih.

<sup>13</sup> Kee, J. sm., Ribeiro, R. A., & Spuy, A. (2016). *Gender and Access (2016): Overcoming Barriers to Enable Women's Meaningful Internet Access*. *IGF Best Practice Forum on Gender*. Diakses daripada: [https://www.intgovforum.org/multilingual/index.php?q=filedepot\\_download/3406/437](https://www.intgovforum.org/multilingual/index.php?q=filedepot_download/3406/437)

<sup>14</sup> Koong, L. L. (10 Ogos 2021). *Insight – Is digitalisation the only way out?*. *The Star Online*. Diakses daripada: <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/08/10/insight---is-digitalisation-the-only-way-out>

<sup>15</sup> Toong, A., & Gong, R. (20 Oktober 2020). *The Impact of Covid-19 on SME digitalisation in Malaysia*. *London School of Economics and Politics Southeast Asia Blog*. Diakses daripada: <https://blogs.lse.ac.uk/seac/2020/10/20/the-impact-of-covid-19-on-sme-digitalisation-in-malaysia/>

<sup>16</sup> Palansamy, Y. (29 Mac 2020). *After supply woes force Cameron farmers to dump greens, Lazada steps in and connects them to buyers*. *The Malay Mail Online*. Diakses daripada: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/29/after-supply-woes-force-cameron-farmers-to-dump-greens-lazada-steps-in-and/1851378>

<sup>17</sup> Carvalho, M., Sivanandam, H., Chung, C., & Tan, T. (3 Ogos 2020). *Theft and vandalism blamed for poor internet connectivity in rural areas*. *The Star Online*. Diakses daripada: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/08/03/theft-and-vandalism-blamed-for-poor-internet-connectivity-in-rural-areas>



---

<sup>18</sup> Dayak Daily. (9 Disember 2021). *Cable theft, vandalism rob people of internet in Sebauh*. Diakses daripada: <https://dayakdaily.com/cable-theft-vandalism-rob-people-of-internet-in-sebauh/> ; The Star. (31 Ogos 2020). *Telco tower in Sarawak vandalised, equipment stolen*. Diakses daripada: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/08/31/telco-tower-in-sarawak-vandalised-equipment-stolen>

<sup>19</sup> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2020). *Internet Users Survey 2020*. Diakses daripada: <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Report.pdf>

<sup>20</sup> Idris, S. R. (30 November 2020). *Kelantan student must climb hill for internet connection*. *New Straits Times*. Diakses daripada: <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/11/645393/kelantan-student-must-climb-hill-internet-connection>

<sup>21</sup> *Jendela Network Coverage in Malaysia*. Diakses daripada: <https://jendela.my/map/?network-coverage=show>

<sup>22</sup> Malay Mail. (3 Ogos 2020). *Poor internet access in less than 20pc of Malaysia*, Dewan Rakyat told. Diakses daripada: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/08/03/poor-internet-access-in-less-than-20pc-of-malaysia-dewan-rakyat-told/1890532>

<sup>23</sup> Davasagayam, K. (1 Jun 2020). *Users in many areas face connectivity issue while Malaysia moves into 5G era*. *The Sun Daily*. Diakses daripada: <https://www.thesundaily.my/local/users-in-many-areas-face-connectivity-issue-while-malaysia-moves-into-5g-era-HJ1856458>

<sup>24</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *ICT Use and Access By Individuals and Households Survey Report, Malaysia, 2020*. Diakses daripada: [https://www.dosm.gov.my/v1/?r=column/cthemebycat&cat=395&bul\\_id=OWUvVnV5SHI2WFU2VFhnQ2ZjTm1Bdz09&menu\\_id=amVoWU54UTI0a21NWmdhMjFMMWcyZz09](https://www.dosm.gov.my/v1/?r=column/cthemebycat&cat=395&bul_id=OWUvVnV5SHI2WFU2VFhnQ2ZjTm1Bdz09&menu_id=amVoWU54UTI0a21NWmdhMjFMMWcyZz09)

<sup>25</sup> TM. (2021). *Capital Structure*. Diakses daripada: [https://www.tm.com.my/corporate/Pages/capital\\_structure.html](https://www.tm.com.my/corporate/Pages/capital_structure.html)

<sup>26</sup> Gong, R. (7 September 2020). *Digital Inclusion: Assessing meaningful internet connectivity in Malaysia*. *Khazanah Research Institute*. Diakses daripada: <http://krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/20200907%20Inclusion%20v4.0.pdf>

<sup>27</sup> Yeoh, A. (27 April 2020). *MCO: As lessons move online, local teachers and students struggle with uneven internet Access*. *The Star*. Diakses daripada: <https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/04/27/mco-as-lessons-move-online-local-teachers-and-students-struggle-with-uneven-internet-access>

<sup>28</sup> Lim, I. (5 Disember 2021). *Education Ministry: 21,316 students quit during covid-19 months of March 2020 to July 2021*. *Malay Mail*. Diakses daripada: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/12/05/education-ministry-21316-students-quit-school-during-covid-19-months-of-mar/2026057>

<sup>29</sup> *PwC's Hopes and Fears Survey 2021: Malaysian report*. (April 2021). Diakses daripada: <https://www.pwc.com/my/en/assets/publications/2021/pwc-hopes-and-fears-survey-2021-malaysia-report.pdf>

<sup>30</sup> Satu permintaan dalam rundingan yang dijalankan oleh KRYSS Network ialah mempunyai akses internet yang boleh dipercayai sekurang-kurangnya selama 8 jam sehari.

<sup>31</sup> Lihat KRYSS Network. (2021). *Keganasan Dalam Talian Berasaskan Gender: Isu dan Implikasi Dasar*. Ringkasan Dasar.

f

<sup>32</sup> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (25 Januari 2019). *Rakyat continues to enjoy reduced broadband prices and higher speeds*. Diakses daripada: <https://www.mcmc.gov.my/en/media/press-releases/rakyat-continues-to-enjoy-reduced-broadband-prices>

<sup>33</sup> Jacobs, J., & Subramaniam, P. (19 Oktober 2020). *Cover story: digital divide and disconnection*. *The Edge Markets*. Diakses daripada: <https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-digital-divide-and-disconnection>

<sup>34</sup> Contohnya, <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-clippings/1-000-usahawan-mikro-disasar-sertai-pupuk-menjelan>.

<sup>35</sup> Allmann, K. (23 Oktober 2019). *Privileging the social over the technical in community networks: Interview with Sol Luca de Tena*. *GenderIT*. Diakses daripada: <https://genderit.org/articles/privileging-social-over-technical-community-networks-interview-sol-luca-de-tena>

<sup>36</sup> Jacobs, J., & Subramaniam, P. (19 Oktober 2020). *Cover story: digital divide and disconnection*. *The Edge Markets*. Diakses daripada: <https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-digital-divide-and-disconnection>

<sup>37</sup> Wong, A. (6 Mei 2021). *Jaringan Prihatin: Yes offers B40 families free phone and mobile data without contracts*. *Soya Cincau*. Diakses daripada: <https://soyacincanau.com/2021/05/06/jaringan-prihatin-yes-offers-b40-families-free-phone-and-mobile-data-without-contracts/>

---

<sup>38</sup> Wong, A. (16 Jun 2021). *Yes Altitude 3 under Jaringan Prihatin catches fire during online classes*. Soya Cincau. Diakses daripada: <https://soyacincan.com/2021/06/16/yes-altitude-3-under-jaringan-prihatin-catches-fire/>

<sup>39</sup> Lihat KRYSS Network. (2021). *Keganasan Dalam Talian Berasaskan Gender: Isu dan Implikasi Dasar*. Ringkasan Dasar.

<sup>40</sup> Rangkaian komuniti bermula dengan sekumpulan orang tempatan yang ingin membawa komunikasi ke kampung atau bandar tempatan mereka atau yang ingin membolehkan komunikasi untuk perkhidmatan-perkhidmatan tempatan yang lain. Kumpulan atau komuniti ini mungkin berkembang dari masa ke semasa apabila minat berkembang dalam perubahan keadaan tempatan. Rangkaian komuniti setempat secara amnya ialah "komuniti tempatan bergabung untuk membayar infrastruktur bersama berdasarkan nilai yang direalisasikan oleh komuniti secara keseluruhan." Rangkaian komuniti dibina dan dikendalikan oleh orang dalam komuniti; mereka adalah hasil daripada orang yang bekerjasama, menggabungkan sumber-sumber mereka, mengatur usaha mereka, dan menghubungkan diri mereka untuk merapatkan hubungan dan jurang budaya.

<sup>41</sup> Internet Society. (10 Oktober 2017). *Policy Brief: Spectrum Approaches for Community Networks*. Diakses daripada: <https://www.internetsociety.org/policybriefs/spectrum/>

<sup>42</sup> Internet Society. (10 Oktober 2017). *Policy Brief: Spectrum Approaches for Community Networks*. Diakses daripada: <https://www.internetsociety.org/policybriefs/spectrum/>



## **KONTAK**

info@kryss.network  
<https://kryss.network/>

Facebook: KRYSS Network  
Twitter: @kryssnetwork  
Instagram: @kryssnetwork

